



HAMIM SAMURI (empat dari kiri) memperkatakan sesuatu kepada Mohd. Fasih Mohd. Fakeh (dua dari kanan) ketika meninjau kerosakan benteng penahan ombak di Pantai Sungai Apong, Sabak Bernam, Selangor, semalam.

RM300 juta naik taraf benteng

SABAK BERNAM 23 Sept. - Kira-kira RM300 juta diperlukan bagi menaik taraf benteng penahan ombak di beberapa kawasan di pesisir pantai negeri ini untuk mengelak kejadian banjir sekiranya berlaku fenomena air pasang besar pada masa depan.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Ir. Hamim Samuri berkata, kos tersebut adalah untuk kerja-kerja meninggikan benteng yang telah rosak di sepanjang 70 kilometer pesisir pantai dari Sabak Bernam ke Kuala Langat.

“Kita hendak lihat sejauh mana (kerosakan benteng) serius supaya kita boleh cadangkan kepada kerajaan supaya menaik taraf semula bagi berdepan kemung-

kinan air pasang besar pada masa akan datang.

“Benteng ini telah dibina dengan ketinggian 3.5 meter, namun disebabkan pemendapan semula jadi, ketinggian benteng telah menurun kepada tiga hingga 2.8 meter,” katanya selepas meninjau keadaan benteng yang pecah di Sungai Apong yang turut dihadiri Ahli Parlimen Sabak Bernam, Datuk Mohd. Fasih Mohd. Fakeh, di sini hari ini.

Sehubungan itu, Hamim meminta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor supaya membuat kajian menyeluruh tentang paras air pasang besar tertinggi pernah berlaku serta keadaan semasa perubahan cuaca dunia

disebabkan pemanasan global.

“Kalau dulu ketinggian benteng 3.5 meter sudah cukup, tapi fenomena pemanasan global mengakibatkan kenaikan paras air yang lebih tinggi. Sebab itu kesesuaian ketinggian benteng ini kita tidak dapat tentukan sekarang,” ujarnya.

Beliau memberitahu, pertembungan ombak luar biasa di laut dan hujan lebat baru-baru ini mengakibatkan beberapa kawasan rendah di negeri ini ditenggelami air hingga penduduk diarah berpindah ke pusat pemindahan banjir.

Walaupun bagaimanapun, Hamim memberitahu, kejadian berkenaan dianggap tidak terlalu serius memandangkan kesemua 309 pintu air berfungsi dengan baik.